

ROSHLAWATY RAIH roshlawaty@sinarharian.com.my

# Bimbing masyarakat kenal Islam

**KAMI CAKNA**

**P**enubuhan UniSZA Mercy Club (UMC), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) merupakan cetusan idea sekumpulan siswa UniSZA Diploma Pengajian Islam (Dakwah) Fakulti Pengajian Kontemporari Islam.

Kumpulan siswa ini telah menjalankan kursus praktikal dakwah pada 2012 iaitu aktiviti sukarelawan (pemandu pelancong) di Masjid Kristal, Kuala Terengganu. Menerusi aktiviti ini, siswa dikehendaki memberi penerangan tentang seni bina masjid dan menjawab soalan-soalan daripada pelancong bukan Muslim tentang kepercayaan dan perkara asas dalam Islam.

Pengalaman tersebut telah memberi pendedahan tentang pengetahuan dan persepsi masyarakat bukan Muslim terhadap Islam yang sangat cetek dan tidak tepat. Kebanyakan soalan-soalan yang dilontarkan oleh mereka berkaitan tentang salah faham terhadap Islam seperti isu keganasan dalam Islam, penindasan wanita, isu pernikahan Nabi Muhammad SAW, jihad dan sebagainya.

Melihat kepada pengalaman tersebut dan juga cabaran umat Islam masa kini, keperluan kepada sebuah kelab yang dapat menjadi penggerak dalam membimbing masyarakat untuk mendekati Islam harus diwujudkan bagi memberi informasi tepat kepada masyarakat bukan Muslim dan kepada Muslim secara umumnya. Justeru, kesepakatan dibuat untuk menubuhkan kelab ini iaitu pada Februari 2013.

Naib Yang Dipertua UMC, Khalilah Mohamed Salleh berkata, penubuhan kelab UMC disokong oleh pihak pengurusan Masjid Kristal, Taman Tamadun Islam dan pihak Persatuan Darul Fitrah Terengganu. Pemantauan dilakukan pihak Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniSZA dan penasihat kelab yang juga pensyarah UniSZA, Dr Nor Salimah Abu Mansor.

"Sebagai Naib Yang Dipertua, saya dibantu 14 barisan ahli jawatankuasa. Tujuh daripadanya memegang jawatan sebagai unit penerangan, kerohanian,

UMC sebagai penggerak, penyalur informasi tepat kepada non-Muslim di Malaysia.



Peserta Seminar Dai' Kontemporari Fasa 1 2013.



Kursus Mosque Tour Guide, sesi praktikal di Masjid Kristal pada 13 Februari 2015.

**UniSZA Mercy Club**

hubungan luar, penyelidikan dan pengangkutan manakala unit *Mosque Tour Guide* (MTG) mempunyai dua AJK kerana MTG merupakan fokus utama UMC," katanya

**SANGAT AKTIF**

UMC begitu aktif menganjurkan aktiviti untuk ahli dan masyarakat sekelilingnya. Antaranya ialah sukarelawan *Mosque Tour Guide* (MTG), Masjid Kristal. Program ini merupakan aktiviti utama UMC setiap semester dan terbuka kepada siswa UniSZA yang telah menghadiri Kursus Latihan Dakwah Mosque Tour Guide. Melalui

kursus ini, siswa didedahkan dengan kaedah komunikasi yang tepat dalam menyampaikan mesej berkenaan masjid dan Islam terhadap bukan Muslim serta jawapan yang sesuai berdasarkan Quran dan Sunnah.

"Program MTG unik ini merupakan *training ground* kepada kami dalam menyampaikan Islam dan kemahiran berkomunikasi kepada masyarakat pelbagai latar belakang dan negara seperti Amerika, Perancis, Germany, China, Korea, Switzerland, Australia dan lain-lain. Program MTG ini juga menjadikan UniSZA sebagai universiti pertama menganjurkan aktiviti seumpama ini.

"Selain itu, UMC turut mengadakan program kembara dakwah di Sabah yang membabitkan empat peserta UMC dan 50 peserta yang terdiri daripada kumpulan Ustaz Mohd Fadli (Ketua rombongan dari PERKIM), Pusat Islam Universiti Teknologi Petronas, Persatuan Darul Fitrah Terengganu, pekerja dan penuntut dari Labuan, Kolej



KHALILAH

Universiti Insaniah, Universiti Selangor, Universiti Teknologi Mara Perak dan Universiti Malaysia Sabah," katanya.

Ujar Khalilah, seminar Dai' Kontemporari Fasa 1 juga diadakan oleh UMC dan objektifnya untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai agama-agama besar dunia yang dianuti oleh pelbagai kaum. Kedua, melahirkan siswa-siswi yang dapat memberi kefahaman tepat tentang ajaran Islam dan budaya Muslim di Malaysia secara berhikmah dan profesional.

Semua aktiviti yang dianjurkan UMC mendapat respons positif. Rata-rata mereka yang telah mengikuti aktiviti kelab ini memberitahu, mereka dapat banyak pengalaman dan maklumat baharu serta menjadikan diri masing-masing ke arah lebih baik.

**BERI DIDIKAN**

"Setiap kelab atau persatuan mempunyai fokus utama dan keunikan masing-masing. Kami di UMC adalah untuk mendidik komuniti dalam dan luar kampus tentang Islam terutamanya di kalangan komuniti bukan Muslim.

"Kami dapat, fokus menyampaikan mesej Islam secara santai dan efektif terhadap masyarakat bukan Muslim sangat kurang dan tidak mendapat perhatian khusus sedangkan masyarakat bukan Muslim juga berhak untuk mengetahui ajaran Islam yang sebenar. Mereka nak terima atau tidak itu urusan mereka tapi tanggungjawab kita hanyalah menyampaikan, *sharing*," katanya tegas.

Beritahu Khalilah, komitmen setiap ahli cukup cemerlang. Walaupun ada masanya tidak ramai yang menyertai, namun prinsip UMC, walaupun kecil, tetapi dengan semangat yang kuat dan kerjasama baik, ia bakal menghasilkan program berkualiti juga.

UMC yang kini sudah memiliki produk tersendiri iaitu baju T kelab dan *button badge*, turut menjalankan hubungan baik dengan kumpulan siswa berlainan bangsa dan agama iaitu Persatuan Kebudayaan Cina dan Persatuan Kebudayaan India UniSZA untuk sama-sama berkongsi pengalaman dan ilmu.

"Besar harapan saya agar kelab ini terus mendapat sokongan dan penyertaan semua warga UniSZA, terutama daripada siswa dan terus berdiri kukuh bersama matlamatnya," katanya.



Diskusi ilmiah dengan penglibatan 30 peserta diiringi saudara Hisham dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi.



Sambutan Tahun Baharu Cina bersama MAIDAM dan Persatuan Darul Fitrah pada 14 Februari 2014.